KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2025
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

OPR turun kepada 2.75 peratus

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Oleh NORAFIDAH ASSAN, TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN dan ROSKHOIRAH YAHYA

OPR turun kepada 2.75 peratus

Selepas 12 kali dikekal, BNM turunkan OPR 25 mata asas

SHAH ALAM

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada Rabu mengumumkan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus.

Ini adalah kali pertama bank pusat itu menurunkan OPR selepas mengekalkan kadar 3 peratus sebanyak 12 kali dalam tempoh 15 bulan iaitu sejak Mei 2023.

Dalam satu kenyataan BNM menyatakan penurunan tersebut akan menyebabkan kadar siling dan lantai OPR masing-masing kini turun kepada 3 peratus dan 2.5 peratus.

"Langkah ini merupakan tindakan awal untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan Malaysia yang stabil, di tengah-tengah prospek inflasi yang sederhana.

"Petunjuk semasa menunjukkan pertumbuhan global terus disokong oleh perbelanjaan pengguna dan aktiviti pendahuluan, selain sokongan daripada pasaran buruh yang positif, dasar monetari yang lebih longgar serta rangsangan fiskal," katanya.

Bagaimanapun BNM berkata, ketidaktentuan berkaitan tarif dan ketegangan geopolitik dijangka memberi tekanan terhadap unjuran pertumbuhan serta meningkatkan ketaktentuan pasaran kewangan global dan harga komoditi.

Bagi Malaysia, bank pusat itu menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan terus dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan prestasi eksport berdaya tahan.

"Pertumbuhan pekerjaan dan gaji dalam sektor berorientasikan domestik serta pelaksanaan dasar berkaitan pendapatan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

"Aktiviti pelaburan pula disokong oleh kemajuan projek berbilang tahun dalam sektor awam dan swasta, kadar realisasi pelaburan yang tinggi serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan induk negara," ujarnya lagi.

ABDUL RASHEED

Menurut BNM, kadar inflasi utama dan teras masing-masing mencatatkan purata 1.4 dan 1.9 peratus dalam lima bulan pertama tahun ini dan dijangka kekal sederhana sepanjang 2025.

"Tekanan inflasi daripada harga komoditi global dijangka kekal terhad manakala kesan daripada reformasi dasar domestik terhadap inflasi juga dijangka dapat dikawal," tambah kenyataan itu.

Kenyataan tersebut turut menjelaskan bahawa prestasi ringgit kekal dipengaruhi faktor luaran, namun prospek ekonomi yang kukuh dan reformasi berterusan akan terus menyokong nilai mata wang negara.

Sementara itu, Gabenor BNM, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour berkata, pengurangan OPR itu bukan disebabkan oleh pengumuman tarif oleh Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

"Perundingan dengan AS masih lagi berlangsung. Malah, ekonomi Malaysia berada pada kedudukan yang kukuh dan pengurangan OPR adalah untuk memelihara dan memastikan landasan pertumbuhan negara adalah stabil," katanya menerusi emel kepada *Bernama*.

Menurutnya, keputusan MPC sentiasa berpandukan mandat untuk mengekalkan kestabilan harga yang kondusif bagi pertumbuhan yang mampan, berdasarkan prospek pertumbuhan Malaysia dan inflasi.

Mengenai jangkaan satu lagi pengurangan OPR pada tahun ini, Abdul Rasheed berkata, keputusan semalam merupakan pengurangan awalan untuk mengekalkan kestabilan ekonomi apabila berhadapan dengan ketidaktentuan global.

"Keputusan dasar pada masa hadapan akan terus berpandukan kepada prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi yang berubah-ubah," katanya.

MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya sebanyak enam kali dalam setahun bagi menetapkan kadar OPR.

LAPORAN MUKA DEPAN

KESAN OPR KEPADA RAKYAT:

OPR ialah kadar faedah ditetapkan Bank Negara Malaysia yang antara lain mempengaruhi kadar pemberian pinjaman dan pembiayaan bank-bank serta kadar deposit.

A. KADAR PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN
Jika OPR naik:
Pinjaman seperti pinjaman perumahan (kadar faedah terapung), pinjaman peribadi dan kad kredit akan menjadi lebih mahal. Bayaran bulanan meningkat. Contoh: Pinjaman rumah RM300,000 mungkin naik RM50-RM70 lagi sebulan ka OPR naik 0.25%, ergantung kepada bank.

IKA OPR TURUN:
dar faedah pinjaman jadi ih rendah.
yaran bulanan menurun, ngurangkan beban vangan.

ULANGAN SIMPANAN
OPR naik:
ar faedah bagi anan tetap (FD) atau n simpanan mungkin ingkat.
at yang menyimpan dapat pulangan lebih

JIKA OPR TURUN:
Pulangan simpanan berkurang, kurang insentif untuk menyimpan.

C. HARGA BARANG DAN INFLASI
Jika OPR naik:
Perbelanjaan rakyat dan pinjaman akan berkurang, permintaan barang menurun. Ini boleh mengekang kenaikan harga barang (mengawal inflasi).

JIKA OPR TURUN:
Lebih ramai cenderung berbelanja dan membuat pinjaman.
Ini boleh merangsang ekonomi, tetapi berisiko menaikkan inflasi jika permintaan terlalu tinggi.

D. KESAN KEPADA EKONOMI SECARA UMUM
OPR dinaikkan: Tindakan untuk 'menyejukkan' ekonomi yang terlalu panas atau inflasi tinggi.
OPR diturunkan: Langkah untuk merangsang ekonomi yang perlahan atau semasa krisis ekonomi.



DUAL KTU SOLAT

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:55	7:10	1:26	4:51	7:40	8:55
ALOR SETAR	5:56	7:08	1:26	4:51	7:39	8:55
PULAU PINANG	5:58	7:10	1:26	4:51	7:38	8:53
IPOH	5:57	7:07	1:24	4:49	7:34	8:49
KOTA BHARU	5:49	7:03	1:19	4:44	7:31	8:43
KUALA TERENGGANU	5:46	7:01	1:15	4:40	7:26	8:42

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	5:51	7:05	1:16	4:41	7:23	8:38
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
SHAH ALAM	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
SEREMBAN	5:56	7:08	1:20	4:45	7:27	8:42
BANDAR MELAKA	5:56	7:10	1:19	4:44	7:26	8:40
JOHOR BAHRU	5:51	7:04	1:13	4:37	7:18	8:33

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: ZAMRI RAMBLI • PENGARANG EKSEKUTIF: AZMI TARMIZI
• PENGARANG BERITA: [illegible] • TIMBALAN PENGARANG BERITA: [illegible] ZAKARIA, ZUKI PIEFH, ATLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH, NURUL RIDUAN NOR ASHAIRA, WAN NOR ROSIDA WAN HAMAD
• KETUA PENGARANG ALIH [illegible] • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL
Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicetak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my